

No. Pendaftaran : 16

**KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)**

**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

KANDUNGAN	Mukasurat
Laporan Berkanun Lembaga	1
Laporan Juruaudit Bebas.....	2 - 7
Penyata Kedudukan Kewangan	8 - 9
Akaun Pembahagian Keuntungan	10
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	11 - 16
Penyata Aliran Tunai	17 - 18
Nota - Nota Kepada Penyata Kewangan.....	19 - 51

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

Mukasurat 1


LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (C) AKTA KOPERASI 1993

Kami bagi pihak Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2024 bersesuaian dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya. Kami bagi pihak Lembaga melaporkan bahawa :

- (a) Koperasi bercadang untuk membayar dividen sebanyak 9% ke atas Modal Saham dan 1% ke atas Modal Yuran bagi tahun kewangan ini dan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung.
- (b) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- (c) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- (d) Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah munasabah.
- (e) Pada pendapat Lembaga, hasil operasi Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara - perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif Seksyen 59(4), Akta Koperasi 1993.

Kami bagi pihak Lembaga memperakui bahawa selain daripada perkara - perkara tersebut di atas, tiada perkara - perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3), Akta Koperasi 1993.

Bagi pihak Anggota Lembaga,


TUAN HAJI MOHD SHAH BIN L. LATIF
(Pengerusi)


TUAN HAJI MARADZI BIN ISMAIL
DSN, AMN, ANS, PPN, PMC, PJK
(Setiausaha)


ENCIK ZULKIFLEE BIN HAJI AROP
(Bendahari)

Bertarikh : **12 SEP 2025**
Seremban



MUSTAPHA, KHOO & CO (AF:0599)
Chartered Accountants, Audit & Assurance

No. 24, (1st Floor), Jalan Campbell, 70000 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
☎ 606 762 8728 (3 lines) ☎ 606 763 7866
✉ mksban@mustaphakhoo.com 🌐 www.mustaphakhoo.com

PrimeGlobal
An Association of
Independent Accounting Firms

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Mukasurat 2

Kepada :

Ketua Pendaftar Koperasi

Anggota - anggota Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad

Tetuan,

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 dan Akaun Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota kepada penyata kewangan seperti dibentangkan di muka surat 8 hingga 51.

PENDAPAT BERSYARAT

Pada pendapat kami, kecuali untuk kesan yang mungkin timbul akibat pelarasan yang dibuat, sekiranya ada, yang mana dianggap perlu bagi perkara-perkara yang dinyatakan di dalam perenggan Asas bagi Pendapat Bersyarat di bawah, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia, Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Koperasi 1993 serta garis panduan dan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Asas bagi Pendapat Bersyarat

1. SISTEM PERAKAUNAN DAN KAWALAN DALAMAN

Melalui pemeriksaan kami, kami mendapati sistem perakaunan dan kawalan dalaman Koperasi perlulah dipertingkatkan selaras dengan kehendak cabaran perniagaan hari ini. Ini adalah kerana kami mendapati pihak koperasi tidak boleh menggunakan sistem perakaunan berkomputer yang disediakan oleh pihak vendor secara total dan komprehensif kerana perisian tersebut bermasalah terutama yang melibatkan Modul Keanggotaan dan Modul Kewangan yang akhirnya pihak koperasi menyediakan penyata kewangan yang hanya berdasarkan kepada sistem penerimaan dan perbelanjaan seperti yang dicatatkan di dalam buku tunai.



Malaysian Institute of Accountants
(Established under the Accountants Act 1967)
A Member Firm of MIA

KL Office : No.30-4 & 32-4, Jalan Kuchai Maju 10, Kuchai Entrepreneurs Park, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia.
☎ 603 7981 3337 (4 lines) ☎ 603 7982 5708 ✉ info@mustaphakhoo.com

PJ Office : No. 23B, Jalan SS 21/60, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
☎ 603 7725 7822 ☎ 603 7710 6822 ✉ mkipj2828@gmail.com



KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Mukasurat 3

Asas bagi Pendapat Bersyarat - Sambungan

2. PENYENGGARAAN AKAUN

Kelewatan pihak Koperasi dalam menyanggara rekod perakaunan dan rekod lain termasuk Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan yang dikemaskini dan sempurna untuk tujuan pengauditan dalam tempoh tidak lewat daripada dua bulan selepas tahun kewangan berakhir merupakan satu ketidakpatuhan terhadap peruntukan-peruntukan Subseksyen 58(1) dan 58(3), Akta Koperasi 1993.

3. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN LEMBAGA

Kelewatan pihak Koperasi dalam membentangkan penyata kewangan dan laporan lembaga sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun kalendar dalam tempoh tidak lewat daripada lapan belas bulan selepas tahun kewangan berakhir merupakan satu ketidakpatuhan terhadap peruntukan-peruntukan Subseksyen 59(5), Akta Koperasi 1993.

4. PENGHUTANG PERDAGANGAN - PEMBIAYAAN GADAIAN AR-RAHNU

Melalui semakan audit yang dijalankan, kami tidak dapat mengesahkan baki terkumpul penghutang perdagangan bagi Pembiayaan Gadaian Ar-Rahnu berjumlah RM4,077,378.62 pada tahun semasa kerana tidak mendapat dokumen sokongan yang mencukupi semasa pengauditan dijalankan.

5. PEMBIAYAAN ANGGOTA

Kami tidak dapat mengesahkan baki terkumpul Pembiayaan Anggota berjumlah RM3,536,445.25 pada 31 Disember 2024 kerana tidak mendapat dokumen sokongan yang mencukupi semasa pengauditan dijalankan. Di samping itu, tiada peruntukan hutang ragu dibuat bagi jumlah sebanyak RM368,194.82 yang merujuk kepada Pembiayaan Khas dan Pembiayaan Pelaburan kerana jumlah tersebut termasuk didalam kutipan oleh pihak Koperasi melalui Pemungut Hutang yang dilantik.



KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Mukasurat 4

Asas bagi Pendapat Bersyarat - Sambungan

Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami dibawah piawaian ini diterangkan dengan lebih lanjut di dalam Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas kepada pendapat bersyarat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi mengikut Undang-undang Kecil (atas Etika Professional, Tatacara dan Amalan) daripada Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil) dan Kod Etika untuk Akauntan Professional daripada Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan ("KOD IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat kami terhadap penyata kewangan Koperasi tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Berkaitan dengan audit kami untuk Prestasi Kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah membaca Laporan Berkanun Lembaga dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada Laporan Berkanun Lembaga Koperasi adalah tidak konsisten dengan Penyata Kedudukan Kewangan Koperasi atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya muncul menjadi material yang salah.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberi gambaran sebenar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 serta menurut Garis Panduan Suruhanjaya Koperasi. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.





KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Mukasurat 5

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi Terhadap Penyata Kewangan - Sambungan

Semasa penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Anggota Lembaga Koperasi samada berhasrat untuk membubarkan Koperasi atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- (a) Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.
- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.





KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Mukasurat 6

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan - Sambungan

- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keupayaan Koperasi untuk meneruskan secara usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk membawa perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, maka kami perlu mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walaubagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi untuk menghentikan terus sebagai satu usaha berterusan.
- (e) Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Koperasi mewakili urusan niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan setiap Anggota Lembaga Koperasi, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan masa yang diberikan untuk audit dan penemuan audit penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Laporan Berkenaan Keperluan Berkanun Lain

Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- (a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58, Akta tersebut.
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah mengikut Akta tersebut, Peraturan-peraturan Koperasi dan Undang-undang Kecil Koperasi.
- (c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti bagi semua perkara yang material adalah dinyatakan dengan saksama selaras dengan dasar - dasar perakaunan.





MUSTAPHA, KHOO & CO (AF:0599)
Chartered Accountants, Audit & Assurance

No. 24, (1st Floor), Jalan Campbell, 70000 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
☎ 606 762 8728 (3 lines) ☎ 606 763 7866
✉ mksban@mustaphakhoo.com 🌐 www.mustaphakhoo.com

PrimeGlobal
An Association of
Independent Accounting Firms

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

No. Pendaftaran : 16

(Didaftarkan di Malaysia)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Mukasurat 7

HAL-HAL LAIN

Laporan ini disediakan hanya untuk anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan sahaja, menurut peruntukan Seksyen 63, Akta Koperasi, 1993 dan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Mustapha, Khoo & Co
SKM(B)0045
Akauntan Bertauliah

Khoo Siong Kee
No. 00791/04/2026 J
Akauntan Bertauliah

Bertarikh : **12 SEP 2025**
Seremban



Malaysian Institute of Accountants
(Established under the Accountants Act 1967)
A Member Firm of MIA

KL Office : No.30-4 & 32-4, Jalan Kuchai Maju 10, Kuchai Entrepreneurs Park, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia.
☎ 603 7981 3337 (4 lines) ☎ 603 7982 5708 ✉ info@mustaphakhoo.com

PJ Office : No. 23B, Jalan SS 21/60, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
☎ 603 7725 7822 ☎ 603 7710 6822 ✉ mkipj2828@gmail.com

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

Mukasurat 8

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
ASET			
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	5,975,581.80	6,130,447.70
Aset biologi	5	651,727.17	675,910.53
Pembangunan hartanah	6	298,364.00	298,364.00
Kerja dalam kemajuan	7	34,094.60	34,094.60
Pembiayaan anggota	8	2,525,373.86	2,446,017.82
Pelaburan saham	9	1,039,179.44	1,019,796.52
		<u>10,524,320.87</u>	<u>10,604,631.17</u>
ASET SEMASA			
Pembiayaan anggota	8	1,011,071.39	1,310,053.72
Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang	10	4,737,590.07	4,557,422.44
Aset kumpulan wang rizab statutori	11	877,672.79	806,742.17
Inventori	12	4,834.00	-
Tunai dan kesetaraan tunai	13	918,011.06	562,070.11
		<u>7,549,179.31</u>	<u>7,236,288.44</u>
JUMLAH ASSET		<u>18,073,500.18</u>	<u>17,840,919.61</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
EKUITI			
Modal Saham dan Yuran Anggota	14	8,243,562.26	8,427,661.25
Akaun Rizab Modal	15	1,774,956.00	1,774,956.00
Kumpulan Wang dan Tabung Anggota	16	1,245,164.41	1,256,350.14
Akaun Untung Rugi Terkumpul		226,455.67	65,150.37
		<u>11,490,138.34</u>	<u>11,524,117.76</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	17	1,414,521.09	1,358,894.36
JUMLAH EKUITI		<u>12,904,659.43</u>	<u>12,883,012.12</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pembiayaan tabung modal pusingan	18	3,545,593.72	3,332,837.10
Pembiayaan jangka panjang	19	35,476.94	103,320.94
Tabung persaraan	20	23,692.16	23,692.16
		<u>3,604,762.82</u>	<u>3,459,850.20</u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD**No. Pendaftaran : 16****(Didaftarkan di Malaysia)****Mukasurat 9****PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMB'N)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang	21	874,129.47	819,190.32
Pembiayaan tabung modal pusingan	18	436,029.73	367,132.13
Pembiayaan jangka panjang	19	64,443.44	60,105.94
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	22	5,207.27	5,444.88
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	23	2,603.63	2,722.44
Dividen dicadangkan	24	157,664.39	228,160.37
Honorarium lembaga	25	24,000.00	15,301.21
		<u>1,564,077.93</u>	<u>1,498,057.29</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>5,168,840.75</u>	<u>4,957,907.49</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>18,073,500.18</u>	<u>17,840,919.61</u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD**No. Pendaftaran : 16****(Didaftarkan di Malaysia)****Mukasurat 10****AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
Untung bersih pada tahun ini		260,363.27	272,243.78
TOLAK : PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori (13%)		(33,847.23)	(13,612.19)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)		(5,207.27)	(5,444.88)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)		(2,603.63)	(2,722.44)
		(41,658.13)	(21,779.51)
Keuntungan selepas pembahagian berkanun		218,705.14	250,464.27
TOLAK : PEMBAHAGIAN LAIN			
Kumpulan Wang Kebajikan Am (3%)		(6,561.15)	(2,504.64)
Kumpulan Wang Kebajikan Anggota (6%)		(13,122.31)	(2,504.64)
Kumpulan Wang Pendidikan Anggota (7%)		(15,309.36)	(2,504.64)
Honorarium Lembaga Koperasi		(24,000.00)	(12,000.00)
Dividen dicadangkan atas Modal Saham (9%)		(84,632.36)	(148,684.20)
Dividen dicadangkan atas Modal Yuran (1%)		(73,032.03)	(79,476.17)
		(216,657.21)	(247,674.29)
Keuntungan selepas pembahagian		2,047.93	2,789.98
PELARASAN BUKAN OPERASI			
Dividen terlebih / (terkurang) catat	24	56,935.37	(1,320.80)
Honorarium Lembaga Koperasi terlebih catat		15,301.21	-
Kumpulan Wang Rizab Statutori terkurang catat		(21,779.50)	-
Modal saham terlebih catat	14	37,132.36	-
Modal yuran terlebih catat	14	71,667.93	-
		159,257.37	(1,320.80)
Keuntungan yang belum dibahagikan		161,305.30	1,469.18
Keuntungan terkumpul bawa hadapan		65,150.37	63,681.19
Keuntungan terkumpul hantar hadapan		226,455.67	65,150.37

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

Mukasurat 11

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN :			
Pendapatan sewa		692,708.40	725,987.70
Bayaran perkhidmatan pembiayaan		6,000.00	8,600.00
Borang pembiayaan		-	1.00
Dividen atas pelaburan saham		98,260.82	89,098.58
Keuntungan pembiayaan anggota		192,022.94	219,766.04
Keuntungan simpanan tetap		161,127.61	-
Hibah		4,526.01	3,211.00
Keuntungan dari penjualan barangan terpakai		-	56.00
Komisyen diterima		83,576.87	4,925.66
Rosotnilai pelaburan saham dicatat semula		12,382.92	21,537.60
Fi masuk anggota		50.00	150.00
Pelbagai pendapatan	26	7,182.58	14,681.42
Pendapatan Projek Ar-Rahnu Nilai (Jadual 1)		374,718.07	398,537.19
Pendapatan Projek Ar-Rahnu Seremban (Jadual 2)		210,256.86	277,188.83
Pendapatan Projek Ladang Sawit (Jadual 3)		498,979.20	354,343.35
		<u>2,341,792.28</u>	<u>2,118,084.37</u>
KOS JUALAN			
Belian		4,965.00	-
(Tolak) : Stok akhir		(4,834.00)	-
Kos jualan		131.00	-
PERBELANJAAN			
Kos Projek Ar-Rahnu Nilai (Jadual 1)		210,373.39	251,553.17
Kos Projek Ar-Rahnu Seremban (Jadual 2)		208,538.41	198,531.32
Kos Projek Ladang Sawit (Jadual 3)		312,940.82	245,546.91
		<u>731,852.62</u>	<u>695,631.40</u>
KEUNTUNGAN KASAR TAHUN SEMASA			
		<u>1,609,808.66</u>	<u>1,422,452.97</u>
TOLAK : PERBELANJAAN			
Belanja pengurusan (Jadual 4)		(1,349,445.39)	(1,150,209.19)
Keuntungan tahun semasa dan dipindahkan ke akaun pembahagian keuntungan			
		<u><u>260,363.27</u></u>	<u><u>272,243.78</u></u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

Jadual 1
Mukasurat 12

**PROJEK AR-RAHNU NILAI
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	2024	2023
	RM	RM
PENDAPATAN :		
Hasil projek	355,086.07	375,525.26
Pelbagai pendapatan	15,792.00	17,011.93
Fi masuk anggota	3,840.00	6,000.00
	<u>374,718.07</u>	<u>398,537.19</u>
Tolak : KOS PROJEK		
Air, elektrik dan pembentungan	5,050.45	9,404.96
Alatulis dan percetakan	2,352.85	2,492.95
Bayaran sistem penggera SECOM	4,200.00	4,200.00
Cukai SST	1,079.62	4,826.98
Iklan dan promosi	605.87	-
Insurans takaful	64,742.50	62,860.00
Komisyen bank	6.10	2.00
Kos pekerja :		
Gaji dan upah	63,156.00	71,036.00
Elaun kerja lebih masa	70.00	-
Imbuhan pekerja	3,793.00	3,773.00
KWSP	8,196.00	9,617.00
Perkeso / SIP	1,211.50	1,408.35
Kursus dan latihan	60.00	1,500.00
Perubatan pekerja	1,730.00	1,595.00
Seragam kakitangan	320.00	-
Tuntutan perjalanan	2,293.18	383.37
Lesen perniagaan	1,185.00	-
Mesyuarat biro	-	1,870.00
Pelbagai belanja	980.80	611.10
Selenggara pejabat	2,492.65	3,303.50
Setem dan pos	585.00	643.80
Sewa bangunan	-	24,000.00
Sewa sistem ar-Rahnu (ldwal)	8,400.00	6,000.00
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	34,819.49	39,465.90
Telefon	2,582.03	2,455.22
Tuntutan perjalanan Ahli Lembaga Koperasi	461.35	104.04
	<u>210,373.39</u>	<u>251,553.17</u>
Keuntungan kasar dibawa ke akaun untung rugi	<u>164,344.68</u>	<u>146,984.02</u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD**No. Pendaftaran : 16**
(Didaftarkan di Malaysia)**Jadual 2**
Mukasurat 13**PROJEK AR-RAHNU SEREMBAN**
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	2024	2023
	RM	RM
PENDAPATAN :		
Hasil projek	194,312.98	262,125.20
Pelbagai pendapatan	15,113.88	13,323.63
Fi masuk anggota	830.00	1,740.00
	<u>210,256.86</u>	<u>277,188.83</u>
Tolak : KOS PROJEK		
Air, elektrik dan pembentungan	8,614.85	4,294.93
Alatulis dan percetakan	1,844.65	1,288.00
Bayaran sistem penggera SECOM	6,480.00	6,280.00
Cukai SST	1,250.83	4,428.29
Iklan dan promosi	1,190.00	-
Insurans takaful	55,597.50	54,427.75
Komisyen bank	10.20	45.20
Kos pekerja :		
Gaji dan upah	73,614.00	66,788.60
Elaun kerja lebih masa	-	67.10
Imbuhan pekerja	4,335.00	4,631.00
KWSP	9,436.00	8,810.00
Perkeso / SIP	1,402.80	1,740.80
Kursus dan latihan	2,900.00	1,500.00
Perubatan pekerja	3,894.00	2,094.00
Seragam kakitangan	320.00	-
Tuntutan perjalanan	2,892.09	320.00
Mesyuarat biro	1,835.50	-
Pelbagai belanja	1,229.90	798.60
Pengauditan emas	-	809.00
Selenggara pejabat	7,640.15	2,593.00
Setem dan pos	-	141.70
Sewa bangunan	-	24,000.00
Sewa sistem ar-Rahnu (ldwal)	8,400.00	6,000.00
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	12,042.40	4,347.94
Telefon	2,553.12	2,721.41
Tuntutan perjalanan Ahli Lembaga Koperasi	1,055.42	404.00
	<u>208,538.41</u>	<u>198,531.32</u>
Keuntungan kasar dibawa ke akaun untung rugi	<u>1,718.45</u>	<u>78,657.51</u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD**No. Pendaftaran : 16**
(Didaftarkan di Malaysia)**Jadual 3**
Mukasurat 14**PROJEK LADANG SAWIT**
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	2024 RM	2023 RM
PENDAPATAN :		
Jualan kelapa sawit	<u>498,979.20</u>	<u>354,343.35</u>
Tolak : KOS PROJEK		
Air dan elektrik	376.10	231.10
Belanja pertanian ladang	111,534.73	62,013.17
Caj keuntungan pembiayaan SKM	6,173.57	6,392.63
Cukai SST	10.19	-
Insurans takaful	2,132.69	-
Kos pekerja :		
Gaji dan upah	35,520.00	33,840.00
Imbuhan pekerja	2,120.00	2,000.00
KWSP	4,672.00	4,379.00
Perkeso / SIP	700.50	660.20
Perubatan pekerja	103.00	182.00
Seragam kakitangan	160.00	-
Mesyuarat biro	3,809.90	1,246.60
Pelbagai belanja	952.70	783.25
Pelunasan aset biologi	24,183.36	24,183.36
Selenggara kenderaan	6,748.00	4,046.00
Selenggara ladang	111,453.85	104,286.00
Telefon dan internet	159.75	-
Tuntutan perjalanan Ahli Lembaga Koperasi	<u>2,130.48</u>	<u>1,303.60</u>
	<u>312,940.82</u>	<u>245,546.91</u>
Keuntungan kasar dibawa ke akaun untung rugi	<u><u>186,038.38</u></u>	<u><u>108,796.44</u></u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

Jadual 4
Mukasurat 15

BELANJA PENGURUSAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

		2024	2023
	Nota	RM	RM
Air, elektrik dan pembentungan		18,802.65	20,084.73
Akhbar dan majalah		3,084.00	-
Alatulis dan percetakan		5,907.00	4,651.00
Bayaran guaman		31,013.00	32,065.20
Belanja 100 Tahun KOMBEK		97,078.73	12,397.86
Caj keuntungan pembiayaan Bank Rakyat		7,761.65	15,683.74
Caj keuntungan pembiayaan SKM		111,398.39	65,165.01
Cukai pintu dan cukai tanah		37,345.70	38,141.30
Cukai SST		2,441.38	382.26
Elaun Anggota Lembaga Koperasi	27	75,600.00	75,600.00
Elaun Juruaudit Dalam		4,000.00	4,000.00
Iklan dan promosi		21,285.19	3,238.50
Imbuan juruaudit luar		15,000.00	15,000.00
Insentif khas		10,400.00	-
Insentif sewaan		700.00	6,900.00
Insurans		11,424.52	13,024.21
Komisyen bank		660.00	635.80
Komisyen Biro Angkasa		5,318.83	6,626.61
Komisyen pemungut hutang		1,584.72	-
Kos kakitangan :			
Gaji dan upah kakitangan		317,971.81	306,391.30
Elaun kerja lebih masa		428.70	82.97
Elaun praktikal		1,800.00	200.00
Imbuan pekerja		19,399.00	20,143.00
Kursus dan seminar		5,780.51	2,238.30
KWSP		41,057.00	40,577.00
Perkeso		7,744.50	6,502.10
Perubatan		10,037.00	5,112.00
Seragam kakitangan		1,600.00	-
Tuntutan perjalanan		9,321.02	4,865.42
Lain-lain mesyuarat		570.30	1,045.50
Mesyuarat Agung		59,794.50	5,960.00
Mesyuarat anggota lembaga		17,000.00	11,800.00
Mesyuarat audit dalaman		5,342.60	3,178.28
Mesyuarat biro		1,763.80	3,113.60
Pakaian seragam korporat		1,920.00	-
Pelbagai belanja		2,969.90	4,094.85
Pengurusan hartanah		2,300.00	35,628.00
Selenggara bangunan		6,553.00	12,772.00
Baki hantar ke hadapan		<u>974,159.40</u>	<u>777,300.54</u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

No. Pendaftaran : 16
(Didaftarkan di Malaysia)

Jadual 4
Mukasurat 16

**BELANJA PENGURUSAN (SAMB'N)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	2024	2023
	RM	RM
Baki bawa ke hadapan	974,159.40	777,300.54
Selenggara komputer	2,124.90	1,897.90
Selenggara pejabat	12,662.98	14,720.18
Setem dan pos	1,024.41	533.90
Sewa bangunan	88,325.10	91,483.40
Sewa peti surat persendirian	200.00	200.00
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	240,087.77	240,523.24
Telefon	7,329.30	7,940.08
Tuntutan perjalanan Anggota Lembaga Koperasi	18,289.88	15,274.90
Yuran pemprosesan dokumen	4,693.85	335.05
Yuran percukaian	547.80	-
	<u>1,349,445.39</u>	<u>1,150,209.19</u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan sebelum cukai		260,363.27	272,243.78
Pelarasan untuk:			
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		286,949.65	284,337.07
Caj keuntungan pembiayaan jangka panjang		125,333.61	87,241.38
Keuntungan simpanan tetap		(70,430.10)	-
Rosotnilai pelaburan saham		(12,382.92)	(21,537.60)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja		589,833.51	622,284.63
Kurangan dalam aset biologi		24,183.36	24,183.36
Tambahan dalam stok		(4,834.00)	-
Tambahan dalam penghutang		(180,668.15)	(637,411.27)
Tambahan dalam pemiutang		54,939.15	16,983.12
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi		483,453.87	26,039.84
Caj keuntungan dibayar		(125,333.61)	(87,241.38)
Tunai bersih dihasilkan / (digunakan) daripada aktiviti operasi		358,120.26	(61,201.54)
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN			
Kumpulan Wang Kebajikan Am dibayar		(4,763.95)	(2,932.50)
Kumpulan Wang Kebajikan Anggota dibayar		(23,395.60)	(5,525.10)
Kumpulan Wang Pendidikan Anggota		4,445.00	4,098.56
Kumpulan Wang Khairat		(26,016.50)	3,117.50
Kumpulan Skim Pembiayaan Kredit		3,552.50	5,260.00
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dibayar		(5,444.88)	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dibayar		(2,722.44)	-
Tunai bersih (digunakan) / dihasilkan untuk bayaran berkanun dan agihan		(54,345.87)	4,018.46
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Tambahan dalam saham		(7,000.00)	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(132,083.76)	(205,152.95)
Tambahan dalam kerja dalam kemajuan		-	(34,094.60)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(139,083.76)	(239,247.55)

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD**No. Pendaftaran : 16****(Didaftarkan di Malaysia)****Mukasurat 18****PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB'N)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	Nota	2024 RM	2023 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Bayaran dividen anggota		(84,408.00)	(1,320.80)
Bayaran honorarium lembaga		-	(11,470.00)
Modal saham anggota dikeluarkan		(129,727.14)	(148,400.00)
Modal yuran anggota dikeluarkan		(367,758.59)	(313,952.65)
Pembiayaan anggota dibayar balik		1,011,071.39	1,310,053.72
Pembiayaan anggota diberikan		(791,445.10)	(1,189,985.20)
Pembiayaan jangka panjang dibayar		(394,852.28)	(287,127.72)
Pembiayaan jangka panjang diterima		613,000.00	-
Terimaan modal saham anggota		26,950.00	3,317.60
Terimaan modal yuran anggota		308,420.03	361,065.50
Tunai bersih dihasilkan / (digunakan) dalam aktiviti pembiayaan		<u>191,250.31</u>	<u>(277,819.55)</u>
Tambahan / (Kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		355,940.94	(574,250.18)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		562,070.11	1,136,320.29
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	13	<u><u>918,011.05</u></u>	<u><u>562,070.11</u></u>

Nota-nota berserta dengan penyata kewangan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

1. KEGIATAN KOPERASI DAN ALAMAT BERDAFTAR

Aktiviti utama Koperasi adalah menjalankan kegiatan koperasi yang menerima caruman modal dan yuran dan menyediakan kemudahan kepada ahli-ahli termasuk aktiviti pemberian pembiayaan. Kegiatan-kegiatan lain yang dijalankan ialah pengurusan hotel bajet dan penyewaan bangunan, projek perumahan dan perniagaan. Koperasi juga menjalankan aktiviti-aktiviti pajak gadai Islam iaitu projek Ar-Rahnu yang dimiliki sepenuhnya oleh Koperasi dan telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pembangunan Koperasi.

Koperasi adalah sebuah koperasi berdaftar, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat berdaftar dan alamat perniagaan Koperasi adalah di No. 39 & 40, Wisma Bukti, Taman Bukti, 70400 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Semua angka adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Anggota Lembaga Koperasi untuk diterbitkan pada

12 SEP 2025

12 SEP 2025

12 SEP 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas-asas perakaunan

Penyata Kewangan Koperasi telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

Penyata kewangan Koperasi telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi Standard Perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan dibawahnya.

(b) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah iaitu harga kos tolak susutnilai terkumpul dan penjejasan nilai, sekiranya ada. Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung semasa pembelian hartanah, loji dan peralatan tersebut.

Kos selepas pembelian termasuk dalam nilai pembawa aset atau diiktirafkan sebagai aset yang berasingan mengikut kesesuaian, sekiranya aset tersebut mempunyai manfaat ekonomi masa akan datang kepada Koperasi dan kos-kos tersebut dapat diukur secara pasti. Semua perbelanjaan baikpulih dan penyelenggaraan dicajkan ke penyata untung atau rugi dalam tahun kewangan dimana penyelenggaraan terlibat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'n)

(b) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai (Samb'n)

Kesemua hartanah, loji dan peralatan yang lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran jangka hayat penggunaannya. Anggaran jangka hayat aset-aset adalah seperti berikut:

	Anggaran jangka hayat (tahun)
Kelengkapan pejabat	5
Kenderaan	5
Komputer	5
Tanah dan bangunan	50
Tanah pajakan	67 - 99
Ubahsuai	10

Nilai sisa dan jangka hayat aset dikaji, dan dinyatakan semula jika perlu, pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan.

Susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan terhenti pada awal pengiktirafan dan di klasifikasi sebagai aset-aset untuk dijual atau apabila aset telah dijual.

Item hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka timbul daripada penggunaan berterusan aset. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan ditentukan sebagai perbezaan diantara hasil jualan dan amaun dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Hartanah untuk pelaburan

Hartanah untuk pelaburan adalah hartanah yang dimiliki oleh Koperasi atau di bawah kepentingan pegangan pajak bagi pemerolehan pendapatan sewa atau tambah nilai modal atau kedua-duanya sekali, tetapi bukan untuk dijual atau digunapakai dalam aktiviti perniagaan biasa seperti pengeluaran atau penghasilan barangan atau perkhidmatan atau bagi tujuan pengurusan.

Pelaburan hartanah dianggap sebagai pelaburan jangka panjang dan diukur pada kos, termasuk kos urusniaga ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan pelaburan hartanah.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila ia dilupuskan atau apabila ia ditarik balik secara kekal daripada penggunaan dan tiada faedah ekonomi pada masa hadapan yang dijangka daripada pelupusan itu. Sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh kewangan semasa.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'n)

(c) Hartanah untuk pelaburan (Samb'n)

Tanah pegangan bebas dengan hayat yang tidak terhingga tidak disusutnilai. Pelaburan hartanah lain disusutnilai berdasarkan anggaran hayat berguna aset untuk bangunan ialah 50 tahun.

Pindahan dibuat dari pelaburan hartanah hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan. Bagi pemindahan daripada pelaburan hartanah kepada hartanah yang diduduki pemilik, kos yang dianggap untuk perakaunan berikutnya ialah nilai saksama pada tarikh perubahan. Jika harta yang diduduki pemilik menjadi pelaburan hartanah, Koperasi akan mengakaunkan harta tersebut mengikut polisi yang dinyatakan di bawah hartanah, loji dan peralatan sehingga tarikh perubahan.

(d) Pelaburan

Pelaburan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila pelaburan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika pelaburan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama dikitiraf sebagai keuntungan atau kerugian.

(e) Pembiayaan anggota

Pembiayaan anggota dinyatakan pada amaun yang dijangka akan direalisasi. Hutang lapuk yang dikenalpasti dilupakan di dalam tahun hutang lapuk berkenaan dikenalpasti.

(f) Penghutang perdagangan, deposit dan lain-lain terimaan

Penghutang perdagangan, deposit dan lain-lain terimaan dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah pengulasan ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbalan.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih. Kos ditentukan berdasarkan kaedah purata dan masuk dahulu keluar dahulu.

Nilai pasaran bersih terdiri daripada anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa selepas ditolak kos jualan dan pengedaran.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'n)

(h) Pemiutang perdagangan dan lain-lain kena bayar

Pemiutang perdagangan dan lain-lain kena bayar dinyatakan pada kos mewakili nilai saksama bayaran masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah tunai dan dana jangka pendek yang dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen jangka pendek dan kesediaan boleh ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

(j) Aset biologi

Aset biologi adalah projek penanaman semula kelapa sawit dan kos-kos yang berkaitan sehingga ladang mula mengeluarkan hasil. Belanja ini akan muka dilunaskan apabila muka mengeluarkan hasil dan dikira secara garis lurus untuk tempoh 25 tahun.

(k) Hartanah untuk pembangunan

Hartanah untuk pembangunan terdiri daripada tanah pada kos termasuk kos-kos berkaitan. Hartanah ini akan dipindahkan ke aset semasa apabila kerja-kerja pembangunan yang ketara diselesaikan dan dijangka siap dalam tempoh operasi yang normal.

(l) Fi masuk

Fi masuk telah dikreditkan kepada Akaun Untung Rugi sebagai pendapatan mengikut kehendak Undang-undang Kecil 13(1).

(m) Pengiktirafan pendapatan dan lain-lain pendapatan

Hasil yang diiktiraf setakat manfaat ekonomi akan mengalir kepada Koperasi dengan hasil yang boleh diukur. Hasil diukur pada nilai saksama bagi yang diterima atau belum terima.

(i) Pendapatan caj perkhidmatan atas aktiviti pembiayaan diiktiraf mengikut asas akrual selaras dengan konsep pinjaman patuh syariah.

(ii) Yuran masuk diiktiraf sebagai pendapatan apabila diterima.

(iii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak penerimaan telah terbukti dan tiada terdapat ketidakpastian tentang penerimaannya.

(iv) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf selepas perlaksanaan perkhidmatan berkenaan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'n)

(m) Pengiktirafan pendapatan dan lain-lain pendapatan (Samb'n)

- (v) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf selepas penghantaran dan pindahan risiko dan manfaat telah sempurna.

(n) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit pada tahun kewangan semasa terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan amaun cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi lebihan bercukai bagi tahun berkenaan dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh lembaran imbalan.

(o) Kemerosotan aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset bukan kewangan disemak pada penghujung setiap tempoh laporan kewangan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosotnilai. Jika sebarang petunjuk wujud, maka boleh dianggarkan jumlah baikpulih aset.

Untuk tujuan ujian rosotnilai, aset dikumpulkan bersama ke dalam kumpulan terkecil aset yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran masuk tunai daripada aset lain atau unit penjanaan tunai.

Jumlah boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai penggunaannya. Dalam menilai penggunaan aset, anggaran aliran tunai masa hadapan diberi diskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai bagi menggambarkan nilai pasaran semasa.

Kerugian merosot nilai diiktiraf jika jumlah bawaan sesuatu aset atau unit penjanaan tunai berkaitan melebihi anggaran jumlah boleh pulihnya. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Berkenaan dengan aset lain, kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya dinilai pada penghujung setiap tempoh laporan kewangan sebagai tanda bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian kemerosotan nilai akan diterbalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh pulih kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Kerugian kemerosotan nilai diterbalikkan hanya setakat jumlah bawaan aset tidak melebihi jumlah bawaan yang akan ditentukan, susutnilai bersih atau pelunasan, jika tiada kerugian rosotnilai telah diiktiraf.

(p) Kemerosotan aset kewangan

Koperasi menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas pada akhir setiap tempoh laporan audit.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'n)

(p) Kemerosotan aset kewangan (Samb'n)

Koperasi secara kolektif mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian kebangkrutan atau kesukaran kewangan yang ketara bagi penghutang, dan kemungkiran atau kelewatan ketara dalam pembayaran oleh penghutang, untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai ke atas pinjaman dan penghutang telah berlaku. Bukti objektif lain rosotnilai termasuk kadar kutipan sejarah yang ditentukan secara individu dan perubahan yang boleh diperhatikan dalam keadaan ekonomi negara atau tempatan yang dikaitkan secara langsung dengan kadar kemungkiran sejarah belum terima.

Jika sebarang bukti objektif sedemikian wujud, jumlah kerugian kemerosotan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset kewangan dan anggaran nilai semasa aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jumlah pinjaman dan pemiutang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

Jika selepas tempoh perakaunan, jumlah kerugian kemerosotan nilai berkurangan dan ia secara objektif berkaitan dengan peristiwa yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf, kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diterbalikkan sehingga amaun bawaan aset tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh pembalikan. Jumlah rosotnilai yang diterbalikkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(q) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan penilaian permulaan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Koperasi merupakan pihak yang terlibat dalam peruntukan kontrak kepada instrumen-instrumen tersebut.

Instrumen kewangan pada mulanya diiktiraf pada harga urusaniaga (termasuk kos urusaniaga kecuali penilaian permulaan bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dinilai pada nilai saksama melalui untung atau rugi) melainkan penyusunan yang dibentuk dan memberikan kesan urusaniaga kewangan. Sekiranya penyusunan membentuk urusaniaga kewangan, aset kewangan atau liabiliti kewangan akan dinilai pada nilai semasa bagi pembayaran akan datang dengan diskaun kadar faedah pasaran bersamaan dengan instrumen hutang.

Aset atau liabiliti kewangan yang tidak diukur pada kos terlunas atau kos ditolak rosotnilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb'n)

(q) Instrumen kewangan (Samb'n)

(ii) Pengiktirafan dan penilaian berikutnya

Instrumen hutang diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti semasa diukur pada jumlah tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan pengaturan itu membentuk, pada hakikatnya, transaksi pembiayaan.

Semua aset atau liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada kos terlunas atau kos ditolak rosotnilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objek rosotnilai. Kerugian rosotnilai diukur seperti berikut:

- Bagi instrumen yang diukur pada kos terlunas, kerugian rosotnilai ialah perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset.
- Untuk instrumen yang diukur pada kos ditolak rosotnilai, kerugian rosotnilai ialah perbezaan antara amaun jumlah aset dan anggaran terbaik jumlah yang akan diterima untuk aset jika ia akan dijual pada tarikh pelaporan.

(iii) Penyahiktirafan

